

### 1.0 PENGENALAN (Definisi Untung)

#### Kamus Dewan

Hasil pendapatan atau perolehan daripada sesuatu kegiatan seperti perusahaan, perniagaan yang melebihi modal serta segala perbelanjaan yang berkaitan.

#### Kamus Harrap's Dictionary of Business Finance

Lebih wang yang diperoleh oleh firma ataupun perusahaan selepas semua perbelanjaan diselesaikan dalam suatu tempoh pengiraan suatu akaun.

#### Ekonomi

Sejumlah bayaran kepada faktor-faktor pengeluaran setelah ditolak daripada hasil keluaran sesebuah syarikat.

#### Perakaunan

Untung terhasil daripada pengurangan pelbagai kos yang dibelanjakan daripada hasil jualan yang diperolehi.

### 2.0 UNTUNG MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

#### Bahasa Arab

al-rihb / rabiha (pertambahan atau pertumbuhan dalam kegiatan perniagaan).

#### Istilah

lebih dan pertambahan dalam aktiviti perniagaan yang terhasil daripada dua hasil pengeluaran utama iaitu usaha (*al-'amal*) dan modal (*ra'sul mal*).

### 2.0 UNTUNG MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

#### Bahasa Arab

al-rihb / rabiha (pertambahan atau pertumbuhan dalam kegiatan perniagaan).

### 2.0 UNTUNG MENURUT PERSPEKTIF ISLAM (cont)

#### Istilah

lebih dan pertambahan dalam aktiviti perniagaan yang terhasil daripada dua hasil pengeluaran utama iaitu usaha (*al-'amal*) dan modal (*ra'sul mal*).

#### Al-Baqarah : 16

"Mereka itulah orang yang memberi kesesatan dengan petunjuk, maka tidak beruntunglah perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk".

### Pentafsiran Ulama' Berdasarkan Ayat Tersebut

#### Imam al-Tabari

- Nilai pertukaran yang kurang daripada harga beliannya maka ia dianggap rugi. - Untung wujud ketika mana berlakunya pertukaran antara harga dengan barangan keluaran sama ada nilai tukaran itu sama ataupun melebihi harga belian tersebut. - Keuntungan barang perniagaan pula ialah hasil daripada pertukaran harta, iaitu apabila ia terpisah milik dengan cara akad jual beli.

#### Al-Nisaburi, Imam al-Alusi

Keuntungan adalah suatu tambahan ke atas modal dan perniagaan pula ialah suatu usaha untuk mendapatkan lebihan melalui modal.

#### Al-Qurtubi

Maksud untung perniagaan dalam surah al-Baqarah di atas adalah merujuk kepada kebiasaan orang Arab yang sering mengungkapkan ayat *rabaha bai'uka* atau *khasarat safaqtuka* yang bermaksud "kamu mendapat keuntungan dan kerugian dalam jual beli kamu".

### Pentafsiran Ulama' Berdasarkan Ayat Tersebut (cont)

#### Rashid Rida

Kaedahnya adalah melalui pertukaran, iaitu pertukaran antara kedua-dua pihak dengan matlamat mendapatkan keuntungan.

### Pembahagian Keuntungan (Al-Ribh)

1) **Zakat** - Pertambahan ke atas modal dan ia ditinjau dari segi harta yang diwajibkan zakat.

2) **Al-murabahah** - Pertambahan ke atas modal setelah ditolak segala perbelanjaan yang dikeluarkan dalam memperoleh lebihan tersebut.

### Zakat

**Imam al-Mawardi** Zakat itu wajib ke atas harta yang berpotensi untuk berkembang sama ada menerusi usaha atau berkembang dengan sendirinya.

**Ibn Qudamah** Menghuraikan harta yang berpotensi untuk berkembang antaranya adalah barangan perniagaan berpotensi untuk mendapat keuntungan, haiwan ternakan berkemungkinan untuk berkembang dan juga buah-buahan dengan syarat cukup hawl dan nisab untuk setiap jenis.

**Al-Kasani** Zakat tidak akan diperolehi kecuali dari harta yang berkembang.



By puterinajihah  
(puterinajihah\_\_)

[cheatography.com/puterinajihah/](https://cheatography.com/puterinajihah/)

Published 9th July, 2020.

Last updated 9th July, 2020.

Page 1 of 3.

Sponsored by **Readable.com**

Measure your website readability!

<https://readable.com>

### Al-Murabahah

Pertama: "Kontrak jual beli dengan harga pertama dengan tambahan keuntungan yang ditetapkan dan disepakati antara kedua-dua pihak pelaku kontrak (penjual dan pembeli)".

Kedua: "Kontrak jual beli apa yang dimilikinya dengan apa yang sepatutnya (modal dan dengan lebih)".

Al-Hanafiyah, Al-Syafi'iyah, Al-Hanabilah, Al-Imamiyah serta Al-Zaydiyyah mendefinisikan modal (*ra'su al-mal*) dalam kontrak al-murabahah sebagai harga yang dengannya dibeli sesuatu barangan.

### Konsep Keuntungan dalam Bab Al-Mud-arabah

> Suatu kontrak antara dua orang atau lebih untuk berkongsi keuntungan tanpa berkongsi dalam modal

> Penubuhan sesebuah syarikat al-mud-arabah adalah untuk memperoleh keuntungan

### Pandangan Ulama'/Fuqaha'

**Al-B-agh-dadi** Keuntungan adalah lebih ke atas modal selepas mengurangi segala kos (beban) perbelanjaan tertentu dalam memperoleh keuntungan.

**Imam Malik** Untung dianggap berlaku sama ada sesuatu harta itu dicairkan ataupun tidak.

### Pandangan Ulama'/Fuqaha' (cont)

**Sebilangan fuqaha'** Untung itu wujud apabila berlakunya pengeluaran akad secara lisan meskipun barang belum dipindahkan dari tempat asalnya.

**Ibnu Qudamah** Untung sebagai satu lebihan ke atas modal. Jika sesuatu modal tidak menghasilkan lebihan, maka ia tidak dinamakan sebagai untung.

**Dr Muhammad Salah** Untung adalah matlamat asasi bagi firma ataupun syarikat di mana segala aktiviti ekonomi yang diceburi akan melibatkan proses penjanaan untung seperti jual beli.

**Abdul Rahman bin Khaldun al-Maghribi** Untung sebagai nilai yang timbul hasil daripada kerja yang dilakukan oleh manusia.

**Ibn Khaldun**

### Pandangan Ulama'/Fuqaha' (cont)

**Khurshid Ahmad dan Muhammad Nejatullah Siddiqi** Apa yang ditentukan dalam keadaan biasa dan sederhana mengikut hukum penawaran dan permintaan dalam pasaran bebas, dengan syarat undang-undang negara, perancangan dan polisinya atau kawalan-kawalan lain tidak campur tangan dalam sistem jual dan belian, pengeluaran komoditi serta pasaran persaingan monopoli tidak dibenarkan mempengaruhi pasaran serta tidak berlaku keadaan darurat yang memberi kesan kepada pasaran.

### Kriteria Asas Dalam Mendapatkan Keuntungan

- Keuntungan bukan berasal daripada perbuatan riba.
- Keuntungan bukan daripada usaha penipuan dengan menyembunyikan fakta.
- Keuntungan bukan daripada perbuatan penipuan.

### 3.0 PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN: PENDEKATAN FUQAHA'

Para fuqaha' membahagikan keuntungan kepada dua bentuk, pertama, *al-ghabn al-fahisy* dan kedua *al-ghabn alyasir*. Maka, terdapat dua pendekatan di mana ulama fiqh berbeza pendapat dalam menentukan ukuran bagi membezakan antara keduanya. Pendekatan pertama mereka menggunakan ukuran yang tetap dan pendekatan kedua menggunakan ukuran yang fleksibel.

### Pendekatan pertama ; ukuran yang tetap

ULAMA'/-MAZHAB	AL-GHABN AL-FAHISY	AL-GHABN AL-YASIR
----------------	--------------------	-------------------

<b>Al-K-hajjadi dari golongan Hanafi</b>	Takat melebihi nisf al-'usyur	Tidak melebihi atau tepat pada kadar nisf al-'usyur
--	-------------------------------	---

<b>Ibn Yahya Al-Balkhi</b>	Keuntungan yang melebihi ketentuan ini ; - pada barang, nisf al-usyur - pada haiwan, 1/10 - pada barang tak alih, 1/5	-
----------------------------	---	---

<b>Golongan Maliki, Golongan al-'Ibadiyyah, Golongan Syafie</b>	1/3 atau lebih	-
---	----------------	---

<b>Golongan Hanbali</b>	1/3 atau 1/6	-
-------------------------	--------------	---

### Pendekatan kedua ; ukuran yang fleksibel

**Ibn 'Abidin** - Suatu nisbah (keuntungan) yang tidak termasuk dalam penetapan taksiran oleh pihak pentaksir, tetapi jika kadar melebihi taksiran, keuntungan dianggap *al-ghabn al-fahisy*.

#### Sebahagian daripada ulama' Maliki -

Memberi pilihan jika berlakunya *al-ghabn al-fahisy*. - Ada yang mengatakan tiada had tertentu tetapi mengikut tradisi atau kebiasaan sesama peniaga.

### Pendekatan kedua ; ukuran yang fleksibel (cont)

**Al-Mardawi** - Nisbah al-ghabn atau keuntungan mengambil kira al-'uruf semasa (kebiasaan) dan sesuai dengan tahap masalah yang dihadapi.

### 4.0 KESIMPULAN

Untung yang diiktiraf oleh Islam ialah untung yang bebas daripada unsur-unsur haram seperti riba, ghabn, gharar dan ihtikar. Oleh itu umat Islam perlu berusaha untuk memperoleh keuntungan yang bebas daripada unsur-unsur yang disebutkan di atas.